

Headline	Keunggulan UPM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	8	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	394 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,787
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,361



HASAN Malek (empat dari kiri) bersama kakitangan pengurusan UPM yang mengungguli hadiah utama bagi kategori organisasi pada Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2014 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

## Mengungguli hadiah utama Anugerah Intelek Negara

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mengungguli hadiah utama Pengurusan Harta Intelek Terbaik bagi kategori organisasi dan membawa pulang wang tunai RM30,000, piala pusingan, piala iringan serta sijil penghargaan.

Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek, di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Berkembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Anugerah Harta Intelek Negara anjuran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sebanyak 388 penyertaan diterima untuk anugerah itu tahun ini, yang menyaksikan peningkatan penyertaan daripada kalangan pelajar sekolah.

Sementara itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia merangkul hadiah pertama kategori Paten; My Haiz Sdn Bhd (kategori Cap Dagangan dan Petunjuk

Geografi); Universiti Teknologi Mara (kategori Reka Bentuk Perindustrian); Melvin Wong Huang (kategori Hak Cipta); dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kenangan, Johor menjuarai kategori Perekacipta Perekacipta Muda Harta Intelek.

Kesemua mereka membawa pulang hadiah wang tunai, piala atau medal WIPO dan sijil penghargaan.

Pemenang tempat kedua dan ketiga bagi setiap lima kategori itu turut menerima hadiah wang tunai dan sijil penyertaan.

Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) diperkenalkan pada tahun 2006 sempena sambutan Hari Harta Intelek Negara. AHIN merupakan pengiktirafan kepada perekacipta / pencipta atas sumbangan harta intelek mereka dalam pembangunan

Headline	Keunggulan UPM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	8	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	394 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,787
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,361

ekonomi dan sosial negara.

Sebanyak enam kategori anugerah dipertandingkan iaitu Organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik), Paten, Cap Dangangan dan Petunjuk Geografi, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta, dan Perekacipta Muda Harta Intelek.